



Rapid Rail Sdn Bhd 200401022254 (660759-D)
Menara Prasarana, Jalan PJU1A/46, Ara Damansara, PJU 1A, 47301 Petaling Jaya, Selangor
Tel : 03-7614 3333 Website : www.prasarana.com.my

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

OPERASI STESEN BUKIT JALIL DILANJUTKAN SEHINGGA JAM 12.30 TENGAH MALAM BERSEMPENA PERLAWANAN KELAYAKAN PIALA ASIA AFC

KUALA LUMPUR, 10 Jun 2025 – Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) selaku pengendali perkhidmatan rel Rapid KL akan melanjutkan waktu operasi Stesen Bukit Jalil pada malam 10 Jun 2025 sehingga jam 12.30 tengah malam (Rabu, 11 Jun 2025) sempena Perlawanan Kelayakan Piala Asia AFC yang akan berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Bagi melancarkan perjalanan penyokong, waktu operasi stesen-stesen integrasi juga akan turut dilanjutkan. Stesen-stesen lain akan ditutup seperti biasa namun penumpang masih boleh keluar di semua stesen untuk meneruskan perjalanan pulang mereka.

Para penyokong disaran untuk menggunakan kad Touch 'n Go bagi menikmati perjalanan yang lebih lancar dan mengelakkan kesesakan ketika masuk dan keluar stesen. Bagi yang menggunakan token, disarankan agar membeli token pergi dan balik lebih awal, sebelum meninggalkan stesen.

Rapid Rail akan menempatkan kakitangan tambahan di lokasi-lokasi strategik bagi membantu pergerakan penyokong dan memastikan aliran trafik di dalam stesen berjalan lancar. Penyokong yang memerlukan bantuan digalakkan untuk mendapatkan pertolongan daripada petugas stesen.

Penyokong disarankan untuk mengikuti media sosial Rapid KL dan memuat turun aplikasi PULSE Rapid KL bagi merancang perjalanan mereka dengan lebih mudah,

TAMAT

Dikeluarkan oleh Rapid Rail Sdn Bhd.